



KOPERASI TUNAS MUDA  
SUNGAI ARA BERHAD

# Buletin Tunas Muda

Website: <http://www.tunasmuda.com.my>

UNTUK ANGGOTA SAHAJA


## Peruntukan Anggota

Koperasi telah mengenal pasti beberapa projek untuk terus dijalankan bagi mempercepatkan pemberian peruntukan anggota serta untuk memenuhi sasaran di dalam tahun 2006 dan tahun 2007. Sehingga berakhir tahun 2005, sebanyak 984 anggota telah mendapat peruntukan percuma anggota.

Bagi tahun 2005, 138 orang anggota telah diberikan peruntukan percuma mereka. Ini bermakna berakhir 31 Disember 2005, hanya 305 orang anggota yang masih belum menerima peruntukan percuma mereka lagi.

Perbelanjaan tahun 2006 untuk projek tanpa pendapatan diperuntukan sebanyak RM15.1 juta. Ini adalah salah satu langkah drastik yang akan diambil oleh pengurusan bagi menampung kerja-kerja pemindahan, penyediaan rumah anggota dan rumah transit dan kos-kos yang berkaitan untuk mempercepatkan pemberian peruntukan rumah kepada anggota-anggota Koperasi.

Walau bagaimanapun kesemua perancangan tersebut hanya akan berjaya dilaksanakan sekiranya semua anggota-anggota yang terlibat dengan pemindahan di kawasan berkenaan memberikan kerjasama.



Rumah peruntukan kepada anggota di Padang Bola Lama, Jalan Tengah, Sungai Ara



Pelan susun atur Sg. Tiram Fasa 2

*Lembaga dan Pengurusan Koperasi mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2006, Selamat Hari Raya Aidil Adha dan Tahun Baru Cina / Gong Xi Fa Cai kepada semua anggota Koperasi.*

Carta perancangan pemberian peruntukan untuk tahun 2006 dan 2007.

Projek	Tahun	Flat Kos Sederhana Rendah	Rumah Teres Setingkat	Tapak Bina Sendiri	Rumah Berkembar Dua Tingkat/ Berkembar Setingkat
Sungai Tiram Fasa 2	2006	-	-	50 anggota	45 anggota
Kampung Perlis	2007	46 anggota	64 anggota	100 anggota	-
				<b>Jumlah</b>	<b>305 anggota</b>

# Biasiswa Pengajian Tinggi Dan Professional Secara Pinjaman Tanpa Faedah Dan Dermasiswa Di Bawah Kumpulanwang Biasiswa Dan Dermasiswa Dato' Haji Ismail Hashim

Adalah dimaklumkan bahawa Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad akan mengeluarkan Biasiswa Pengajian Tinggi dan Profesional Secara Pinjaman Tanpa Faedah dan Dermasiswa bagi Tahun 2006 kepada anggota dan juga anak anggota Koperasi yang berjaya melanjutkan pengajian tinggi dan profesional (peringkat diploma atau ijazah) di universiti-universiti tempatan dan luar negeri.

2. Nilai maksima pemberian biasiswa ialah tidak melebihi RM4,000.00 setahun dan nilai pemberian Dermasiswa ialah RM500.00, tertakluk kepada keputusan Lembaga.
3. Syarat-syarat permohonan Biasiswa dan Dermasiswa adalah seperti berikut:-
  - 3.1: Telah terima masuk dengan rasmi bagi melanjutkan pengajian tinggi dan profesional sepenuh masa di mana-mana universiti atau mana-mana badan pengajian lain seumpamanya di Malaysia atau di luar negeri yang kursusnya diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan atau Lembaga Akreditasi Negara;
  - 3.2: Umur tidak lebih daripada 25 tahun bagi anak anggota, atau 45 tahun bagi anggota-anggota, pada 1 Januari pada tahun yang di dalamnya biasiswa atau dermasiswa akan diberi;
  - 3.3: Belum pernah diterima masuk bagi melanjutkan pengajian tinggi sepenuh masa daripada mana-mana institusi;
  - 3.4: Belum pernah mendapat apa-apa jua biasiswa atau pinjaman dari mana-mana pihak yang melebihi RM4,000.00 setahun;
  - 3.5: Menandatangani Surat Perjanjian Pinjaman Biasiswa dengan Koperasi;
  - 3.6: Menjelaskan bayaran cukai setem dan bayaran premium insuran perlindungan dan bayaran-bayaran lain apabila dituntut oleh pihak Koperasi (untuk biasiswa sahaja);
  - 3.7: Mempunyai dua (2) orang penjamin yang mana sekurang-kurangnya seorang daripadanya adalah anggota Koperasi ini dan kedua-dua penjamin tersebut mestilah mempunyai pendapatan tetap bulanan berjumlah sekurang-kurangnya RM2,000.00 (untuk biasiswa sahaja);
- 3.8: Belum pernah menjadi Penjamin kepada mana-mana pelajar.
- 3.9: Ahli Jawatankuasa Kecil Peningkatan Perkhidmatan Kepada Anggota tidak dibenarkan menjadi Penjamin kecuali anggota tanggungannya (untuk biasiswa sahaja).
4. Borang permohonan hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen-dokumen berikut:-
  - 4.1: Salinan surat tawaran masuk ke universiti;
  - 4.2: Pengesahan kursus pengajian oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN);
  - 4.3: Sekeping gambar pemohon berukuran pasport (tidak dikembalikan) (untuk biasiswa sahaja);
  - 4.4: Salinan Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan/ Diploma atau mana-mana sijil yang seumpamanya;
  - 4.5: Sesalinan kad pengenalan / sijil kelahiran / kad pelajar
5. Permohonan hendaklah dibuat di atas borang khas yang boleh diperolehi di Pejabat Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad, No.126 Jalan Dato' Haji Ismail Hashim, Taman Tunas Muda, Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, pada waktu pejabat.
6. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat di atas untuk tindakan selanjutnya.
7. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, tuan/puan bolehlah berhubung terus dengan Puan Norsidah binti Jaafar, Pen. Eksekutif Keanggotaan di talian 04-6438515.

*Salinan fotokopi hendaklah disahkan benar dan ditandatangani oleh Pendaftar Pusat Pengajian/Pengetua/Guru Besar/Wakil Rakyat/Jaksa Pendamai/Penghulu Kerajaan/Ketua Balai Polis/Ketua Kampung/Pengerusi JKKK/Anggota Lembaga atau Pegawai Pengurusan Koperasi ini.*

*(Pilih salah satu daripadanya)*



# Info Pembangunan

Pembangunan Projek Relau / Pagar Buluh Fasa 1B merupakan Projek Pangsapuri Kos Sederhana melibatkan pembinaan 352 unit di atas P.T. Lot 2568, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Projek ini dijangka mendapat sambutan yang menggalakan dari golongan sasaran, iaitu keluarga anggota Koperasi dan golongan berpendapatan sederhana. Sebanyak 176 unit akan ditawarkan kepada 88 anggota sebagai Peruntukan Anggota.



Projek Akan Datang

Pelan Kebenaran Merancang JPB/PM 2907 (LB) telah diluluskan oleh MPPP pada 08.10.2003. Manakala Pelan Bangunan No. 42911 (LB) pula dijangka mendapat kelulusan pada Januari 2006.




Tapak projek ini terletak berdekatan dengan Pangsapuri Pahlawan. Apabila siap kelak, ia akan mengandungi 2 blok bangunan 1 hingga 13 tingkat termasuk 1 tingkat kemudahan. Setiap blok mengandungi 176 unit dan berukuran 750 kaki persegi seunit. Projek ini dijangka akan mula dibina pada pertengahan tahun 2006.



Projek Akan Datang



Pembangunan ini merupakan Projek Pangsapuri Kos Sederhana 90 unit Taman Tunas Muda Fasa 6, di atas P.T. Lot 3564, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Projek ini mengandungi 1 blok bangunan 10 tingkat yang terdiri daripada 90 unit pangsapuri 750 kaki persegi, kedai, dewan masyarakat dan children nursery di tingkat bawah.



Pelan Bangunan No. 42831 (LB) telah diluluskan oleh MPPP pada 30.10.2005 dan projek ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2006.

Harga jualan projek ini dianggarkan lebih kurang RM130,000.00 per unit. Tapak projek ini terletak di lokasi yang baik dan strategik iaitu berhadapan dengan Penang International Sport Arena (PISA) dan berdekatan dengan Kompleks Penjaja MPPP Relau. Projek ini dijangka akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari golongan sasaran.

## Informasi Perumahan Kos Rendah

Syarat Kelayakan Membeli  
Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/isteri) belum memiliki rumah.

Maklumat lanjut dan borang boleh diperolehi di **Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang**. Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 04-262 1957 ext 5373.

# Perancangan Pusaka Islam

## Apakah erti perancangan pusaka?

Kaedah untuk seseorang individu menyusun strategi bagi memastikan halatuju harta pusaka yang akan ditinggalkan demi kepentingan waris.

## Objektif

- » Tunaikan tanggung-jawab pada diri sendiri & waris.
- » Kesempurnaan hak yang tergantung atas pusaka (Zakat & hutang)
- » Perlindungan kepada hak waris agar tidak dianiaya oleh pihak yang tidak jujur dalam mentadbir harta peninggalan.
- » Mempercepatkan proses pembahagian harta pusaka serta mengelakkan harta membeku terlalu lama.

## Kenapa Perlu Merancang?

- » Perlantikan wasi (syarikat pengamanahan atau individu) yang pro-aktif, amanah, berkebolehan dan berkesanggupan untuk mentadbir harta pusaka.
- » Cepatkan proses penyelesaian pusaka
- » Atasi masalah khusus seperti poligami, anak angkat, lambat kahwin, tiada zuriat, tiada anak lelaki, ibu tunggal dan lain-lain.
- » Jaminan atas hak-hak tergantung (zakat, hutang dan hibah yang tidak sempat disempurnakan)
- » Pelihara kebajikan waris dan elakkan persengketaan keluarga
- » Galakan membuat amal jariah yang kekal (wakaf & sedekah jariah)
- » Kekalkan potensi harta untuk pemajuan dan tiada pecahan banyak bahagian.

## Siapa Perlu Merancang?

Semua Umat Islam

- Orang berpoligami
- Pasangan yang tiada zuriat
- Pasangan yang tiada anak lelaki
- Pasangan yang mempunyai anak angkat
- Anak angkat sendiri
- Anak Dara/Teruna yang lambat berkahwin
- Ibu tunggal
- Muallaf
- Usahawan (banyak harta & hutang)

## Cara Merancang

- Tentukan waris anda
- Tentukan nisbah faraid
- Tentukan nilai bersih harta
- Tentukan nilai nisbah faraid bagi setiap waris
- Pilih instrumen perancangan yang sesuai dengan matlamat perancangan

## Instrumen Perancangan Pusaka

- Surat wisoyah
- Surat Wasiyyah
- Surat Faraid Waris
- Surat Surat Harta Sepencarian
- Surat Hibah

Koperasi dilantik sebagai agen pemasaran Negeri Pulau Pinang oleh ZAR Perunding Pusaka Sdn Bhd.

Anggota yang berminat sila hubungi :

*Puan Arizan binti Ahmad*

643 8515 samb 206 untuk keterangan lanjut.



“Merancang Pusaka Demi Masa Depan Waris Anda”



## Sejarah & Fadilat Ayat Kursi

Semasa penurunannya ia telah diiringi oleh beribu-ribu malaikat kerana kehebatan dan kemuliaannya. Syaitan dan iblis juga menjadi gempar kerana adanya satu perintang dalam perjuangan mereka. Rasulullah s. a. w. dengan segera memerintahkan Zaid b Tsabit menulis serta menyebarkannya.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi dengan khusyuk setiap kali selepas sembahyang fardhu, setiap pagi dan petang setiap kali keluar masuk rumah atau hendak musafir, Insyallah akan terpeliharalah dirinya dari godaan syaitan, kejahatan manusia, binatang buas yang akan memudaratkan dirinya bahkan keluarga, anak-anak, harta bendanya juga akan terpelihara dengan izin Allah s. w. t.

Mengikut keterangan dari kitab "Asraarul Mufidah" sesiapa mengamalkan membacanya setiap hari sebanyak 18 kali maka akan dibukakan dadanya dengan berbagai hikmah, dimurahkan rezekinya, dinaikkan darjatnya dan diberikannya pengaruh sehingga semua orang akan menghormatinya serta terpelihara ia dari segala bencana dengan izin Allah.

Syeikh Abu Abbas ada menerangkan, siapa yang membacanya sebanyak 50 kali lalu ditiupkannya pada air hujan kemudian diminumnya, insyallah, Allah akan mencerdaskan akal fikirannya serta memudahkannya menerima ilmu pengetahuan.

Untuk amalan kita semua..... Fadilat Ayat Al-Kursi mengikut Hadis-Hadis Rasulullah s. a. w. bersabda bermaksud: "Sesiapa pulang ke rumahnya serta membaca ayat Kursi, Allah hilangkan segala kefakiran di depan matanya.

Sabda baginda lagi; "Umatku yang membaca ayat Kursi 12 kali pada pagi Jumaat, kemudian berwuduk dan sembahyang sunat dua rakaat, Allah memeliharanya daripada kejahatan syaitan dan kejahatan pembesar." Orang yang selalu membaca ayat Kursi dicintai dan dipelihara Allah sebagaimana DIA memelihara Nabi Muhammad.

Mereka yang beramal dengan bacaan ayat Kursi akan mendapat pertolongan serta perlindungan Allah daripada gangguan serta hasutan syaitan. Pengamal ayat Kursi juga, dengan izin Allah, akan terhindar daripada pencerobohan pencuri. Ayat Kursi menjadi benteng yang kuat menyekat pencuri daripada memasuki rumah. Mengamalkan bacaan ayat Kursi juga akan memberikan keselamatan ketika dalam perjalanannya.

Ayat Kursi yang dibaca dengan penuh khusyuk, Insyallah, boleh menyebabkan syaitan dan jin

terbakar. Jika anda berpindah ke rumah baru maka pada malam pertama anda menduduki rumah itu eloklah anda membaca ayat Kursi 100 kali, insya-Allah mudah-mudahan anda sekeluarga terhindar daripada gangguan lahir dan batin. Barang siapa membaca ayat Al-Kursi apabila berbaring di tempat tidurnya, Allah mewakili 2 orang Malaikat memeliharanya hingga subuh.

Barang siapa membaca ayat Al-Kursi di akhir setiap sembahyang Fardhu, ia akan berada dalam lindungan Allah hingga sembahyang yang lain. Barang siapa membaca ayat Al-Kursi di akhir tiap sembahyang, tidak menegah akan dia daripada masuk syurga kecuali maut, dan barang siapa membacanya ketika hendak tidur, Allah memelihara akan dia ke atas rumahnya, rumah jirannya & ahli rumah2 di sekitarnya. Barang siapa membaca ayat Al-Kursi diakhir tiap-tiap sembahyang Fardhu, Allah menganugerahkan dia hati-hati orang yang bersyukur perbuatan2 orang yang benar, pahala nabi 2 juga Allah melimpahkan padanya rahmat. Barang siapa membaca ayat Al-Kursi sebelum keluar rumahnya, maka Allah mengutus 70,000 Malaikat kepadanya, mereka semua memohon keampunan dan mendoakan baginya. Barang siapa membaca ayat Al-Kursi di akhir sembahyang Allah azza wajalla akan mengendalikan pengambilan rohnya dan ia adalah seperti orang yang berperang bersama nabi Allah sehingga mati syahid. Barang siapa yang membaca ayat al-Kursi ketika dalam kesempatan nescaya Allah berkenan memberi pertolongan kepadanya.

## Sidang Pengarang

### Ketua Pengarang

Mazalan bin Nan

### Pengarang

Mohamad Hilmi bin Rashid

### Grafik

Noriah Bt Abd. Razak

### Pemberita

Mohd Noh B. Hashim

Sazwani Bt Sabdin

Mohd Syukhri B. Mat

Baizura Bt. Mohd Noor

### Jurugambar

Mohd Khir B. Saad

### Percitakan / Pengedaran

Che Maimunah binti Kassim

# Permainan Komputer Tingkatkan Ketajaman Penglihatan

PERMAINAN komputer memang mempunyai ramai peminat di seluruh dunia dan kadang kala ia dikatakan mampu melalaikan pelajar atau pekerja kerana terpaksa bersenggang mata bagi menghabiskan sesuatu permainan.

Bagaimanapun, penemuan terbaru dalam dunia sains mendapati permainan komputer masih mempunyai kebaikannya seperti mampu meningkatkan ketajaman atau skil penglihatan para pemain.

Satu kajian mendapati pengguna komputer yang bermain permainan berbentuk aksi atau pertarungan mempunyai daya penglihatan yang lebih tajam selepas bermain selama 10 hari dengan satu jam sehari.

Penyelidikan ke atas para pelajar kolej berumur antara 18 hingga 23 tahun yang dijalankan oleh penyelidik dari University of Rochester, New York mendapati hasil kajian mungkin boleh membantu meningkatkan daya ketajaman pada pemandu atau tentera yang menghadapi masalah daya penglihatan.

“Ini tidak bermakna para pelajar kini boleh memberitahu ibu bapa mereka yang mereka harus bermain permainan komputer dan meninggalkan pelajaran disebabkan kajian ini”, kata Daphne Bavelier, Profesor madya Pengajian Sains Kognitif dan Otak dari universiti tersebut.


Kajian mendapati, para pemain komputer ini begitu cepat mengambil tindakan dalam aksi mereka disebabkan ketajaman dalam penglihatan mereka.

“Kami mengkaji kesan visual dalam memberi perhatian dan bukannya berkaitan perhatian untuk belajar atau menyelesaikan masalah matematik,” katanya.

Beliau berkata, kejayaan dalam bidang akademik tidak mempunyai kaitan dengan ketajaman dalam penglihatan termasuk kecepatan menyedari kedatangan objek baru pada pandangan.

Ujian yang dijalankan Bavelier mendapati pemain permainan komputer berjaya mengalahkan rakan mereka yang tidak bermain permainan komputer dalam ujian pemantauan persekitaran visual yang kompleks.

Ketajaman mata diperlukan oleh para pemandu terutama di waktu malam untuk menyedari kehadiran objek tidak diduga seperti anjing melintas dan juga bagi tentera yang sedang mengawasi kawasan musuh.



## Tips & Info



### Kulit Berseri


½ cawan minyak wangi bunga mawar, lavender atau air suling  
1 sudu minyak sayuran  
¼ hingga 1 sudu minyak badam organic  
12 titik ekstrak biji limau

Buat sendiri minyak wangi bunga mawar atau lavender dengan meletakkan segenggam kelopak bunga tersebut di dalam botol dan tambahkan air mendidih. Biarkan semalaman dan kemudian saring. Campurkan dengan bahan-bahan lain di dalam balang dan goncang sehingga sebati. Bubuhkan sedikit pada kapas dan urut di kulit muka.

### Hilangkan Kedut

3 kapsul vitamin E  
2 sudu teh dadih biasa  
½ sudu teh madu  
½ sudu teh jus limau

Cucuk kapsul vitamin E dan keringkan dalam mangkuk kecil, kemudian tambah semua bahan lain. Sapukan ke kulit muka dengan kapas dan biarkan selama 10 imit kemudian bilas.



### Lembutkan Kulit

2 sudu besar badam  
2 sudu teh susu segar  
½ sudu teh tepung  
½ susu teh madu

Kisar badam, tambahkan susu, tepung dan madu kacau sehingga menjadi ramuanpekak. Gosokkan pada kulit, bilas dengan air suam.

# Tindakan Anggota

Anggota atau waris anggota **DIKEHENDAKI MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA** bagi perkara berikut:-

1. Pertukaran Anggota (Meninggal)  
Anggota yang meninggal, wasi/penama dikehendaki mengemukakan permohonan pertukaran anggota, terutama bagi anggota yang telah lama meninggal.
2. Permohonan pertukaran anggota telah diluluskan, anggota ganti masih belum hadir untuk proses pertukaran.
3. Anggota dikehendaki menamakan wasi/penama.

Sekiranya salah satu perkara di atas belum diambil tindakan, sila hadir ke pejabat Koperasi untuk mendapatkan borang berkenaan.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Norsidah binti Jaafar atau Cik Sazwani binti Sabdin di talian 04-6438515.

# Khidmat Anggota

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada anggota, kaunter anggota setempat kini ditempatkan di tingkat bawah pejabat Koperasi. Anggota ada masalah yang hendak diselesaikan dan perlu berjumpa dengan pengerusi atau Setiausaha, hari bersama Pengerusi/Setiausaha ditetapkan seperti berikut:

Hari : Setiap hari Jumaat

Minggu : Pertama (1) dan Ketiga (3)

Jam : 9 pagi - 12 tengahari

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

**POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-**

Setiausaha,  
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad  
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,  
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

**MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT**

Alamat surat menyurat saya yang terkini adalah seperti berikut:-

Nama: ..... No Anggota: .....

No. Kad Pengenalan: ..... No. Telefon: .....

Alamat Baru: .....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

# Takziah

Nama	No Ahli	Umur	Tarikh Meninggal
Hamid bin Osman	0085	77	20.8.2005
Che Seiah binti Yaacob	1871	63	29.8.2005
Ali bin Yen	0763	75	18.9.2005
Omar bin Rabai	1210	75	22.9.2005
Hamid bin Budin	1019	72	27.9.2005
Doyah binti Ariff	1958	92	28.9.2005
Abdullah bin Hassan	0454	89	19.10.2005
Yusof bin Ishak	1103	71	20.10.2005
Teon binti Ibrahim	2040	80	23.10.2005
Salim bin Ibrahim	1469	64	29.10.2005
Abdul Majid bin Man	0302	83	8.11.2005
Budin bin Ismail	0589	87	5.12.2005
Ahmad bin Zakaria	1612	62	6.12.2005

# Kad Anggota

Anggota-anggota yang tidak mempunyai 'Kad Anggota', sila bawa 2 keping gambar berwarna berukuran kad pengenalan ke Unit Perkhidmatan Anggota untuk diproses. 'Kad Anggota' ini akan digunapakai sewaktu Mesyuarat Agung Koperasi dan apabila anggota hendak berurusan dengan Koperasi.

